

14 SEP 2002

Adnan-Mahathir

ADNAN MINTA PM TIMBANG SEMULA KEPUTUSAN TIDAK BERTANDING

KUANTAN, 14 Sept (Bernama) -- Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob hari ini meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menimbang semula keputusannya untuk tidak bertanding dalam pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri perlu meneruskan khidmat dan baktinya kepada masyarakat dengan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

"Saya berpendapat Perdana Menteri perlu bersama-sama dengan penggantinya yang dinamakan iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi membawa parti dan Barisan Nasional (BN) dalam pilihan raya akan datang," katanya kepada pemberita di kediamannya di sini.

"Saya merasakan pemikiran dan juga segala ide yang selama ini ada pada Perdana Menteri boleh digunakan pada pilihan raya akan datang.

"Kita lihat ulasan Perdana Menteri dan dasar-dasar yang dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan walaupun kadang-kadang orang ramai tidak boleh baca, tetapi ternyata akhirnya keputusan yang dibuat adalah betul seperti cara menangani masalah ekonomi dan isu meritokrasi," katanya.

Dr Mahathir pada satu majlis di Alor Setar semalam mengumumkan yang beliau tidak akan bertanding pada pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun Dr Mahathir yang juga presiden Umno berkata adalah menjadi tanggungjawabnya untuk memperbetulkan pemikiran rakyat yang dipesongkan oleh parti Pas walaupun beliau tidak lagi bertanding.

Adnan yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang berkata pengalaman politik Perdana Menteri sejak dari zaman Malayan Union sehingga kini amat penting buat BN dalam menghadapi pilihan raya akan datang.

"Kita akui Perdana Menteri ada hak membuat keputusan itu, namun kita juga ada hak untuk Perdana Menteri timbangkan semula keputusan itu," kata Adnan.

-- BERNAMA

MS PR